

PERANAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM MEMBANTU PENCARIAN MAKLUMAT AL-QURAN DAN HADIS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Nur Afiqah Binti Mustaffa

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6011-58986009 Email: afiqah_mus@raudah.usim.edu.my

Nur Afrina Putri Binti Mohd Aquil

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6014-7510063 Email: nurfiyna@raudah.usim.edu.my

Anis Ayuni binti Abdul Ghafar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6013-3464872 Email: anisayunie@raudah.usim.edu.my

Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6013-6349694 Email: hafizuddin.najid@usim.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran dan Hadith merupakan sumber utama yang menjadi sumber rujukan kepada semua umat Islam di seluruh dunia. Dalam era globalisasi kini, AI atau yang dimaksudkan dengan kecerdasan buatan adalah merupakan satu teknologi terkini yang mampu memudahkan proses pencarian maklumat, termasuk maklumat yang berkaitan dengan al-Quran dan Hadith. Namun begitu, ketepatan sumber rujukan dan maklumat yang diberikan oleh AI, serta kesukaran pengguna dalam memahami konteks maklumat yang diberikan menjadi cabaran dalam menggunakan platform tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengkaji keberkesanan penggunaan AI melalui kajian jurnal atau artikel serta mengenal pasti impak penggunaan AI dalam pembelajaran dan pengajaran. Kajian yang berdasarkan kuantitatif ini memaparkan bahawa penggunaan AI dapat memudahkan proses mendapatkan maklumat berkaitan al-quran dan hadith dengan menggunakan aplikasi – aplikasi AI yang terdapat pada masa kini. Data dan maklumat ini dikumpul dengan merujuk bahan ilmiah, jurnal, artikel dan sumber internet yang berkaitan dengan aplikasi aplikasi AI. Dapatan dari carian dapat memperluas aksesibiliti terhadap sumber-sumber rujukan al-Quran dan Hadith serta meningkatkan pemahaman yang lebih baik terhadap ajaran al-Quran dan Hadith melalui penerapan teknologi AI. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membuktikan keberkesanannya dengan membawa impak positif dalam memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran berkaitan al-Quran dan Hadith.

Kata Kunci : Penggunaan AI, al-Quran, Hadith, Pencarian Maklumat.

1. Pengenalan

Pembelajaran Al-Quran dan Hadis pada zaman dahulu mempunyai ciri-ciri yang berbeza berbanding dengan kaedah sekarang. Pada zaman tradisional, kaedah pembelajaran banyak bergantung kepada hubungan langsung antara guru dan pelajar serta pendekatan yang lebih manual dan berstruktur iaitu melalui kelas-kelas pengajian secara langsung dan pencarian dari sumber buku-buku di perpustakaan. Proses ini memerlukan masa yang lama dan akses kepada sumber rujukan yang terbatas. Walau bagaimanapun, perkembangan pembangunan teknologi telah membawa cabaran dan peluang di dalam bidang pendidikan (Ahmad, 2018). Kemunculan dan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah mengubah cara pembelajaran secara signifikan. Proses mencari, meneroka dan memahami teks Al-Quran dan Hadis ini telah berubah dengan ketara, AI telah merevolusikan cara kita mendekati pengajian agama, membolehkan kita mendalami al-Quran dan Hadis dengan kecekapan dan ketepatan yang lebih tinggi (Liu, 2022). AI memainkan peranan penting dalam memudahkan pencarian maklumat Al-Quran dan Hadis dan membuka peluang baru dalam pengajaran

dan pembelajaran tanpa had masa dan tempat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan teknologi AI dalam membantu memudahkan pencarian maklumat terutamanya Al-Quran dan Hadis serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran.

2. Kajian Literatur

2.1 Definisi Teknologi Kecerdasan Buatan (AI)

Kecerdasan Buatan atau lebih dikenali sebagai Artificial Intelligence atau AI ini merujuk kepada kebolehan mesin atau sistem komputer yang dicipta untuk melaksanakan tugas-tugas yang biasanya dilakukan oleh manusia seperti menyelesaikan masalah dan mencari maklumat. AI merupakan satu teknologi pintar yang dicipta untuk meniru kepandaian manusia. (John McCarthy, 1956) (Vijay Kanade, 2022). AI juga dapat didefinisikan dengan kemampuan komputer dan robot untuk melakukan tugas yang biasa dikaitkan dengan kebijaksanaan serta kecerdasan manusia seperti memberikan alasan, mendefinisikan sesuatu serta belajar dari pengalaman (B.J. Copeland, 2024). Keupayaan sesuatu mesin untuk menjadikan kebijaksanaan sebagai karakternya dan keupayaan ini dibahagikan kepada tiga kategori dan jenis kebijaksanaan. (Anirudh V K, 2022).

2.2 AI dalam Membantu Memudahkan Pencarian Maklumat

Proses pencarian maklumat kini menjadi lebih pantas dengan adanya AI. Dahulu, jika seseorang itu ingin mencari maklumat, mereka perlu ke perpustakaan dan meluangkan masa mereka berjam-jam untuk menelaah setiap buku. Namun kini, dengan berkembangnya teknologi banyak membantu dalam mempermudah proses pencarian maklumat. Salah satu teknologi yang membantu dalam memudahkan pencarian maklumat ialah teknologi kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai AI. AI boleh terus digunakan oleh semua pengguna dengan memberikan arah kepadanya. Setelah mendapat arahan, sistem AI akan mula memproses data. Semasa proses berjalan AI akan mengeluarkan segala cariannya. Hasil carian AI adalah didapati dengan melihat kepada algoritma, analisis, penemuan dan lain-lain. (Vijay Kanade, 2022). Proses AI ini mengambil masa yang sangat singkat iaitu lebih kurang 10 saat sahaja.

Dalam bidang al-Quran dan Hadith, AI menyediakan sumber rujukan yang meluas yang dapat membantu memudahkan pencarian. Antara contoh aplikasi AI yang boleh digunakan untuk mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith ialah Quran.com dan semakhadis.com. Aplikasi ini merupakan aplikasi percuma yang boleh diakses oleh semua orang. AI juga membantu dalam memberikan pemahaman yang mendalam serta membantu dalam menjawab persoalan yang kompleks tentang al-Quran dan Hadith. (Sandi Ferdy Yulianto, 2023).

2.3 AI dalam al-Quran dan Hadith

Bagi pelajar yang mengambil jurusan yang melibatkan al-Quran dan Hadith, sumber rujukan al-Quran dan Hadith merupakan sumber utama yang akan menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran. Sumber rujukan bagi al-Quran dan Hadith mestilah sumber-sumber yang shahih sahaja. Ini kerana al-Quran dan Hadith merupakan sumber utama bagi umat Islam. Dalam era digital kini, penggunaan AI dalam mempelajari al-Quran dan Hadith banyak manfaatnya antaranya ialah, dapat menyemak bacaan, dapat mengetahui tafsiran ayat sama ada al-Quran mahupun Hadith, serta banyak lagi. (Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2023). Sebagai contoh, sebelum adanya AI, untuk menyemak bacaan al-Quran kita perlu mengikuti kelas pengajian al-quran atau mengikuti program-program al-Quran yang dianjurkan tetapi pada masa kini, kita hanya perlu menggunakan AI untuk menyemak bacaan kita. AI akan memperbetulkan bacaan kita kepada bacaan yang betul dengan menggunakan perisian yang ada di dalam AI sebagai contoh aplikasi Think Quran. (Siti Noor Faezah Muda, 2024). Contoh lain pula, ketika kita menerima satu hadith daripada media sosial atau mana-

mana platform digital, kita boleh menyemak kesahihan hadith tersebut sebelum menyebarkannya kepada orang lain dengan menggunakan aplikasi semakhadis.com. Semakan ini adalah secara percuma dan sesiapa sahaja boleh melakukannya.

2.4 AI dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pada masa kini, teknologi kecerdasan buatan (AI) telah menjadi satu teknologi yang banyak digunakan oleh manusia terutama untuk pembelajaran dan pengajaran. Selari dengan berkembangnya teknologi, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga berubah. Dahulunya teknik pengajaran dan pembelajaran adalah berteraskan konvensional iaitu guru akan lebih aktif berbanding pelajar. (Nahzatul Akma, n.d.). Dimana, guru akan mengajar di hadapan dan pelajar akan mendengar guru mengajar sehingga masa pembelajaran tamat. Namun kini, dengan adanya teknologi, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga berubah kepada kaedah yang berteraskan teknologi. Kaedah ini menggunakan interaksi guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru akan menyediakan alat pembelajaran yang interaktif seperti animasi, audio, permainan interaktif dan sebagainya sebagai langkah untuk menarik perhatian pelajar supaya menjadi lebih aktif didalam kelas yang sekaligus mewujudkan interaksi dua hala diantara guru dan murid (Ani Omar, 2016).

Penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran telah mengubah cara belajar seseorang pelajar. (Norazlina Abdullah, Hartati Maskur, Roshila Abdul Mutalib, 2020). Ini kerana, mereka bebas untuk bertanya sesuatu tanpa rasa malu dan segan tentang apa yang mereka kurang faham semasa proses pembelajaran berlangsung. AI membantu pelajar dalam mempelbagaikan hasil carian dengan menyenaraikan semua perkara yang berkaitan dengan apa yang ingin dicari. Perkara ini membantu dalam meluaskan pandangan dan pendapat seseorang pelajar dalam mempelajari sesuatu. Bagi pengajaran dan pembelajaran dalam bidang al-Quran dan Hadith pula, penggunaan AI dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar ini kerana pelajar akan banyak bertanya soalan berkaitan al-Quran dan hadith bagi memastikan ilmu yang dipelajari itu adalah benar dan tidak menyeleweng.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai peranan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam membantu pencarian maklumat al-Quran dan Hadith dalam pengajaran dan pembelajaran. Metodologi kajian yang digunakan adalah kuantitatif bagi mendapatkan data yang boleh diukur. Metod ini digunakan untuk memberikan deskripsi yang mendalam tentang penggunaan aplikasi (AI) dalam pembelajaran pendidikan agama Islam. Pengumpulan data dan maklumat berkaitan al-quran dan hadith dilakukan dengan menggunakan aplikasi-aplikasi AI yang terdapat pada masa kini. Data dan maklumat ini mengakses, membaca, menilai dan mencatat pelbagai bahan yang ditemukan dalam literatur, jurnal, bahan ilmiah dan sumber internet yang berkaitan dengan topik penelitian. Metode ini dilakukan melalui proses identifikasi, evaluasi dan sintesis terhadap karya-karya hasil penelitian dan hasil pemikiran yang sudah dihasilkan oleh para peneliti dan praktisi (Setiawan, 2018). Metodologi kuantitatif ini diharapkan dapat memberikan data yang objektif dan boleh diukur mengenai impak teknologi (AI) dalam Pendidikan islam, khususnya dalam membantu pencarian maklumat al-Quran dan Hadith. Kaedah kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini melibatkan perolehan data dan maklumat melalui pendedaran borang soal selidik.

Dapatan data adalah daripada kajian yang berbentuk soal selidik. Soal selidik ini diedarkan kepada 55 orang pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui platform sosial media. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Data-data yang diperoleh, dianalisis dengan menggunakan perisian Spreadsheet. Soal selidik

merupakan sumber primer kajian ini. Borang soal selidik diedarkan bagi mendapatkan maklumbalas, data ataupun maklumat yang diperlukan daripada responden. Ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar daripada responden dan juga memudahkan proses analisis dalam mendapatkan keputusan penyelidikan. Soal selidik kajian ini mempunyai dua bahagian. Bahagian yang paling utama iaitu bahagian yang kedua berkenaan keberkesanan dan pengalaman responden dalam menggunakan teknologi kecerdasan buatan AI dalam membantu pencarian maklumat al-Quran dan Hadith dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam set soal selidik, bahagian yang pertama memberikan maklumat berkenaan demografi responden seperti umur dan jantina. Dalam soal selidik pada bahagian yang kedua sebanyak 5 soalan dikemukakan. Kaedah jawapan betul atau salah digunakan dalam bahagian yang kedua.

4. Perbincangan

4.1 Jenis-jenis Kecerdasan Buatan (AI)

Kecerdasan Buatan (AI) dapat dibahagikan kepada beberapa jenis:

4.1.1 Kecerdasan Buatan Terhad (ANI)

Kecerdasan Buatan Terhad atau *Artificial Narrow Intelligence* (ANI). Ia merupakan satu sistem AI yang dicipta untuk melakukan tugas-tugas yang tertentu sahaja (Dennis Schlegel, Yasin Unal, 2021). Antara contoh aplikasi yang berada di bawah ANI ialah Siri dan Alexa. Kedua-dua aplikasi ini menggunakan sistem pengenalan suara atau lebih dikenali sebagai '*Voice Recognition*'. Sistem ini berfungsi dengan menggunakan arahan suara daripada manusia dimana, ia akan mendengar, memahami dan melakukan tugas mengikut apa yang telah diarahkan.

4.1.2 Kecerdasan Umum Buatan (AGI)

Kecerdasan Umum Buatan atau *Artificial General Intelligence* (AGI). AGI ini dicipta untuk meniru tahap kebijaksanaan manusia dari segi pemahaman, pembelajaran dan keupayaan melaksanakan tugas. AGI berkemampuan untuk mempelajari sesuatu berdasarkan pengalaman, serta mampu menyelesaikan masalah-masalah yang baru. (Anirudh V K, 2022).

4.1.3 Kecerdasan Buatan Terunggul (ASI)

Kecerdasan Buatan Terunggul atau *Artificial Super Intelligence* (ASI). ASI merupakan satu kebijaksanaan yang direka melangkaui kebijaksanaan otak manusia, (O. Strellkova, n.d.) Kebijaksanaannya merangkumi semua bidang, saintifik mahupun sosial.

Namun begitu, buat masa kini AGI dan ASI masih lagi dalam peringkat penyelidikan dan belum direalisasikan sepenuhnya untuk kegunaan manusia. Jenis AI yang ada dan wujud sekarang hanyalah merangkumi Kecerdasan Buatan Terhad, ANI sahaja. Antara contoh lain bagi AI yang sering digunakan pada masa kini ialah ChatGPT, mid journey, Jenni AI dan banyak lagi. AI ini biasanya digunakan untuk mencari maklumat dengan lebih pantas.

4.2 Cabaran Dalam Menggunakan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Mencari Maklumat Berkaitan al-Quran dan Hadith

Pada masa kini, Teknologi Kecerdasan Bantuan (AI) menjadi salah satu sumber rujukan untuk mencari maklumat terutama bagi tujuan pengajaran dan juga pembelajaran. Ini kerana, maklumat dapat diperolehi dengan lebih pantas berbanding mencari maklumat di perpustakaan dan menelaah kitab terutama dalam bidang al-Quran dan Hadith yang memerlukan ketelitian dalam mencari maklumat bagi mengelakkan kesalahfahaman kepada masyarakat. (Adawiyah Hosni, Mohd Farhan

Md Ariffin, Hamdi Ishak, 2023). Dengan adanya AI, segalanya telah berada di hujung jari. Meskipun begitu, ketepatan sumber rujukan dan maklumat yang diberikan oleh AI, serta kesulitan pengguna untuk memahami konteks yang diberikan menjadi cabaran dalam menggunakan AI.

4.2.1 Ketepatan Sumber Rujukan dan Maklumat

Dalam pencarian maklumat, terutama dalam bidang pengajian al-Quran dan Hadith. Ketepatan sumber rujukan dan maklumat menjadi satu perkara yang amat penting. Ini kerana, sekiranya maklumat serta sumber rujukan yang diperoleh adalah tidak sah, ia akan menimbulkan masalah kesalahfahaman yang besar kepada masyarakat. Kajian mendapati bahawa 30% daripada maklumat yang diperoleh daripada sistem AI adalah tidak bertepatan dengan konsep pengajian Islam (Ahmad dan Farooq, 2022). Ini bermaksud bagi memastikan sesuatu maklumat itu benar dan sah, kita masih lagi perlu merujuk kepada sumber yang asli sama ada secara atas talian ataupun dengan menelaah buku di perpustakaan.

4.2.2 Kesukaran Memahami Konteks Maklumat

Bahasa AI serta kekurangan data rujukan AI menyebabkan 'halusinasi' AI. 'Halusinasi' AI ini bermaksud bahawa AI memberikan maklumat yang tiada kena mengena dengan apa yang dipertanyakan atau yang diarahkan. Hal ini boleh meningkatkan kesalahfahaman di antara maklumat yang diinginkan dan maklumat yang diperoleh. Lebih-lebih lagi ketika mencari maklumat berkaitan bidang pengajian al-Quran dan Hadith. Bahasa AI. Kajian menunjukkan 40% pelajar yang menggunakan AI untuk mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith melaporkan bahawa mereka sukar untuk memahami konteks maklumat yang disampaikan oleh AI. (Ali, M, 2022) Terutama kepada masyarakat yang tidak tahu dan tidak mahu ambil tahu, mereka hanya terima segala maklumat yang diberikan oleh AI tanpa membuat semakan bekenaan kesahihan konteks terlebih dahulu. Kesalahfahaman ini wujud akibat kesukaran pengguna dalam memahami konteks AI.

4.3 Keberkesanan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Memudahkan Pencarian Maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith

Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith memberikan banyak manfaat terutama dalam pengajaran dan pembelajaran. AI membantu dalam menyediakan maklumat yang relevan dan pantas. Ia juga membantu dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari al-Quran dan Hadith kerana maklumat dapat diakses dengan mudah dan percuma. Dapatan kajian menyatakan bahawa 90 peratus daripada responden mengakui bahawa AI membantu dalam memudahkan pencarian maklumat dan merupakan satu aplikasi yang sangat berguna pada masa kini. 100 peratus responden menyetujui bahawa AI juga turut memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran. Dalam bidang al-Quran dan Hadith, seramai 69 peratus responden yang menggunakan AI untuk mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith serta 75.9 peratus responden menyatakan bahawa AI memudahkan mereka dalam proses mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith. Berdasarkan respon yang diterima, kebanyakan pelajar menyetujui bahawa AI berkesan dalam memudahkan proses pencarian maklumat. Ke kerapannya pelajar yang menggunakan AI untuk mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith adalah sebanyak 58.6 peratus iaitu separuh daripada responden menggunakan AI untuk melakukan pencarian. Ini membuktikan bahawa penggunaan AI amat berkesan dalam memudahkan pencarian maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith terutama untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan Data daripada Soal Selidik yang Telah Dijalankan


4.4.1 Analisis Latar Belakang Responden

Jadual di bawah menunjukkan analisis latar belakang responden secara peratusan berdasarkan item 1 hingga 7 dalam borang soal selidik.

Jadual 4.4.1: Latar Belakang Responden

Bil	Kategori	Peratus
1.	Jantina	
	1.1 Lelaki	32.7%
	1.2 Perempuan	67.3%
2.	Umur	
	2.1 18 hingga 20 tahun	27.3%
	2.2 21 tahun hingga 25 tahun	72.7%
3.	Aplikasi AI Sangat Berguna pada Masa Kini	
	3.1 Ya	100%
	3.2 Tidak	-
4.	Aplikasi AI Memudahkan Pengajaran dan Pembelajaran	
	4.1 Ya	100%
	4.2 Tidak	-
5.	Pengalaman menggunakan AI dalam Mencari Maklumat Berkaitan al-Quran dan Hadith	
	5.1 Ya	83.6%
	5.2 Tidak	16.4%
6.	Kekerapan Penggunaan Aplikasi AI dalam Mencari Maklumat Berkaitan dengan al-Quran dan Hadith	
	6.1 1 hingga 5 kali	52.7%
	6.2 5 hingga 10 kali	30.9%
	6.3 10 kali dan ke atas	16.4%
7.	Penggunaan Aplikasi AI dalam Memudahkan Carian Maklumat Berkaitan al-Quran dan Hadith	
	7.1 Ya	85.5%
	7.2 Tidak	14.5%


4.4.2 Analisis Umur Responden



Rajah 1: Umur Responden

Rajah menunjukkan umur responden. Umur responden adalah antara 18 hingga 25 tahun. Ia dibahagikan kepada 2 peringkat umur iaitu yang berumur 18 hingga 20 tahun yang terdiri daripada 27.3% daripada keseluruhan responden iaitu seramai (15 orang) dan yang berumur 21 hingga 25 tahun yang terdiri daripada 72.7% daripada keseluruhan responden iaitu seramai (40 orang).

4.4.3 Analisis Jantina Responden




Rajah 2: Jantina responden

Rajah 1 menunjukkan jantina responden. Kajian ini melibatkan 55 orang responden yang terdiri daripada 32.7% (18 orang) lelaki dan 67.3% (37 orang) perempuan. Daripada data yang telah didapatkan, kebanyakan responden adalah perempuan.

4.4.4 Analisis Penggunaan AI dalam Membantu Memudahkan Pencarian Maklumat Berkaitan al-Quran dan Hadith dalam Pengajaran dan Pembelajaran

1. Adakah aplikasi Ai sangat berguna pada masa kini?

55 responses




Rajah 3: Aplikasi AI Amat Berguna pada Masa Kini

Hasil soal selidik mendapati bahawa 100% (55 orang) daripada responden mengakui bahawa AI merupakan satu teknologi yang sangat berguna pada masa kini.

2. Adakah aplikasi Ai memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran ?


55 responses



Rajah 4: AI Memudahkan Proses Pengajaran dan Pembelajaran

3. Adakah anda pernah menggunakan Ai dalam mencari maklumat berkaitan al-quran dan hadis ?


55 responses



Rajah 5: Penggunaan AI dalam Mencari Maklumat Berkaitan al-Quran dan Hadith

Rajah 4 menunjukkan bahawa 100% responden (55 orang) memilih bahawa aplikasi AI pada masa kini membantu dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi penggunaan AI dalam pencarian maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith, seramai 83.6% (46 orang) pernah menggunakan AI untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan al-Quran dan Hadith. Manakala, sebanyak 16.4% (9 orang) lagi mencari maklumat yang berkaitan al-Quran dan Hadith di sumber-sumber lain.


4. Berapa kekerapan anda menggunakan aplikasi AI dalam proses mencari maklumat berkaitan al quran dan hadis ?
55 responses



Rajah 6: Data Kekerapan Responden Menggunakan AI Untuk Mencari Maklumat Berkaitan al-Quran dan Hadith

Data kekerapan bagi responden yang menggunakan aplikasi AI dalam mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith terbahagi kepada 3 iaitu 1 hingga 5 kali, 5 hingga 10 kali dan 10 kali dan ke atas seperti yang tertera pada Rajah 6. Bagi penggunaan AI sebanyak 1 hingga 5 kali, peratusan responden adalah sebanyak 52.7% iaitu seramai 29 orang, diikuti dengan penggunaan AI sebanyak 5 hingga 10 kali iaitu 30.9% (17 orang) dan 10 kali dan ke atas adalah seramai 9 orang iaitu 16.4% daripada responden.

5. Adakah aplikasi AI dapat memudahkan proses dalam mencari maklumat berkaitan Al-quran dan hadis?
55 responses



Rajah 7: Aplikasi AI Memudahkan Carian Maklumat Berkaitan Al-Quran dan Hadith

Rajah menunjukkan data aplikasi AI dapat memudahkan proses dalam mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith. Seramai 47 orang atau 85.5% responden menggunakan AI sebagai tempat rujukan untuk mencari maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith. Manakala, seramai 8 orang atau 14.5% responden tidak menyetujui bahawa aplikasi AI membantu dalam memudahkan proses pencarian maklumat yang berkaitan dengan al-Quran dan Hadith. Kesimpulannya, hasil kajian

mendapati bahawa penggunaan AI membantu dalam mempermudah proses pencarian maklumat berkaitan al-Quran dan Hadith. Ini dibuktikan dengan dapatan data pada rajah 7. Berdasarkan rajah 1, jelaslah bahawa AI merupakan satu teknologi yang sangat berguna pada masa kini dimana kesemua responden seramai 55 orang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan data ini disokong dengan dapatan data tentang kekerapan responden dalam menggunakan AI untuk mencari maklumat. Dimana, responden menggunakan AI untuk mencari maklumat sekurang-kurangnya sebanyak sekali. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa dengan AI proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah. Berdasarkan rajah 4, majoriti responden memberikan jawapan yang sama iaitu 'ya' AI membantu dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

5. Kesimpulan

Teknologi kecerdasan buatan (AI) memainkan peranan penting dalam memfasilitasi pencarian maklumat Al-Quran dan Hadis serta meperkayakan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks agama Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa AI memberikan pelbagai faedah, termasuk menyediakan suasana pembelajaran yang interaktif dan menarik, kebolehcapaian dan kecekapan proses pencarian maklumat dengan meningkatkan ketepatan, membolehkan analisis yang lebih mendalam dan memudahkan akses kepada pelbagai sumber rujukan Al-Quran dan Hadis. Melalui penggunaan teknologi AI, pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dan Hadis menjadi lebih mudah, efisien dan dapat diakses oleh lebih ramai individu tanpa mengira masa dan tempat. Ini membuka peluang baru dalam memperluas pengetahuan agama Islam dan meningkatkan pemahaman serta penghayatan terhadap teks Al-Quran dan Hadis bagi pelajar dan masyarakat umum.

Walaupun menghadapi cabaran seperti batasan teknologi, penyalahgunaan seleweng fakta dan risiko salah huraian dan tafsir, manfaat AI dalam pendidikan agama Islam adalah ketara. Alat bantu mengajar berasaskan AI, seperti chatbot dan aplikasi interaktif, memotivasi pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, meningkatkan minat dan pemahaman mereka terhadap subjek yang dipelajari. Dengan terus meningkatkan penyelidikan, latihan dan kerjasama antara Institusi Pendidikan Islam dan pakar teknologi, AI akan dapat digunakan dalam pendidikan Islam dengan lebih berkesan dan meluas pada masa hadapan. Kesimpulannya, teknologi kecerdasan buatan mempunyai potensi besar dalam merevolusi cara maklumat al-Quran dan Hadith dicari dan dipelajari. Dengan penerapan yang bijak dan beretika, AI dapat menjadi alat yang berharga dalam memperkaya pengajaran dan pembelajaran agama Islam, menjadikannya lebih relevan dan menarik dalam konteks dunia digital kini.

6.0 Rujukan

- Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin & Hamdi Ishak. (2023). Isu dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1), 2-15. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/277/208>.
- Ahmad, K., & Farooq, U. (2022). *The Role of Artificial Intelligence in Enhancing Islamic Studies*. *Journal of Islamic Studies*, 15(3), 45-60.
- Ahmad Zubir Rosdii. (2018). Pengajian Hadis Tradisional dan Moden: Tinjauan Awal Literatur, Vol 13 No 2 (2019).
- Ali, M. (2021). *Challenges in the Integration of AI in Islamic Knowledge Retrieval*. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Studies*, 10(2), 78-89.
- Aliff Nawi. (2019). Penerokaan awal terhadap isu dan impak penggunaan teknologi kecerdasan buatan terhadap kehidupan manusia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(4), 24-33.

- Ammar Awais. (2022). *Islam on Artificial Intelligence*. Islam Explained. <https://islamexplained.info/2022/11/05/islam-on-artificial-intelligence/>. Diakses pada 25 Mei 2024.
- Anirudh V K, (2022). *What Are the Types of Artificial Intelligence: Narrow, General, and Super AI Explained*. https://www.spiceworks.com/tech/artificial-intelligence/articles/types-of-ai/?_gl=1*1ored4s*_up*MQ..*_ga*MTY4NDkzNzQ3Mi4xNzE2NjI0NjM5*_ga_7F9D9D3Q65*MTcxNjYyNDYzOS4xLjAuMTcxNjYyNDYzOS4wLjAuMA..#. Diakses pada 20 Mei 2024.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). #1474: *Islam dan 'Kecerdasan Buatan'*. <https://maktabahalbakri.com/1474-islam-dan-kecerdasan-buatan/>. Diakses pada 27 Mei 2024.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). #22: *Masa Depan Islam dan AI*. <https://zulkiflialbakri.com/22-masa-depan-islam-dan-ai/>. Diakses pada 27 Mei 2024.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2024). *Penggunaan AI dalam Aplikasi al-Inarah dan The Noor*. <https://zulkiflialbakri.com/penggunaan-ai-dalam-aplikasi-al-inarah-dan-the-noor/>. Diakses pada 27 Mei 2024.
- Mahmudhassan, M., Muthoifin, M., & Begum, S. (2024). Artificial Intelligence in Multicultural Islamic Education: Opportunities, Challenges, and Ethical Considerations. *Solo Universal Journal of Islamic Education and Multiculturalism*, 2(01), 19–26. <https://doi.org/10.61455/sujiem.v2i01.114>.
- Mazihah Othman. (2013). Analisis keperluan pelajar, guru dan kandungan untuk pembangunan e-bahan instruksional mata pelajaran pengajian kejuruteraan elektrik dan elektronik tingkatan 4: Satu kajian kes kualitatif. JohorBharu: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Nahzatul Akma, (n.d.), *Pengajaran Konvensional*. <https://www.scribd.com/doc/229671748/pengajaran-konvensional>. Diakses pada 27 Mei, 2024.
- Norazlina Abdullah, Hartati Maskur & Roshila Abdul Mutalib. (2020). Penggunaan Aplikasi Kepintaran Buatan (AI) dalam PDP-Satu Kajian Kepustakaan. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)*. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/IMC%202020/265-272.pdf>
- Sandi Ferdy Yulianto & Farah Haya. (2023). Study of AI and Technology as a Substitute for a Teacher Learning the Qur'an Hadith in Bond of Knowledge Perspective. *The Annual International Conference on Education (ICOE)*, 1, 433-442.
- Siti Noor Faezah Muda, (2024). *Aplikasi Think Quran Mudahkan Pengguna Belajar Ikut Masa Sendiri*. <https://www.sinarharian.com.my/article/647486/berita/nasional/aplikasi-think-quran-mudahkan-pengguna-belajar-ikut-masa-sendiri>. Diakses pada 28 Mei 2024.
- Setiawan, D. (2018). Dampak Perkembangan Teknologi Informasi dan Komunikasi Terhadap Budaya. *JURNAL SIMBOLIKA: Research and Learning in Communication Study*, 4(1), 62. <https://doi.org/10.31289/simbollika.v4i1.1474>.
- Vijay Kanade, 2022, *What is General Artificial Intelligence (AI)? Definition, Challenges, and Trends*. <https://www.spiceworks.com/tech/artificial-intelligence/articles/what-is-general-ai/>. Diakses pada 20 Mei 2024.
- Vijay Kanade, 2022, *What is General Artificial Intelligence (AI)? Definition, Types, Goals, Challenges, and Trends in 2022*. https://www.spiceworks.com/tech/artificial-intelligence/articles/what-is-ai/#_004. Diakses pada 20 Mei 2024.
- Wan Nor Munirah Ariffin, 2024. *Revolusi Pendidikan Tinggi: Perana Kecerdasan Buatan dalam meningkatkan Pengalaman Pembelajaran*. <https://dewankosmik.jendeladbp.my/2024/05/04/11693/>. Diakses pada 1 Mei 2024.

- Wiranto, Erham Budi, & Sri Suwartini. (2023). ARTIFICIAL INTELLIGENCE AND TRUSTWORTHY PRINCIPLES IN GLOBAL ISLAMIC EDUCATION. *Ushuluddin International Conference (USICON)*, 6, 64-87. Retrieved from <https://conference.uin-suka.ac.id/index.php/USICON/article/view/1252>.
- Woolf, B. P., Lane, H. C., Chaudhri, V. K., & Kolodner, J. L. (2013). AI Grand Challenges for Education. *AI Magazine*, 34(4), 66-84. <https://doi.org/10.1609/aimag.v34i4.2490>.
- Yang Liu. (2022). *Artificial Intelligence and Its Application in Educational Industry*. *Frontiers in Educational Research* (2022) Vol. 5, Issue 6: 44-47. <https://doi.org/10.25236/FER.2022.050608>.